

KEISTIMEWAAN SENI BINA RUMAH DEMANG

ABDUL GHANI SEBAGAI KHAZANAH YANG TELAH DIPELIHARA

NUR SYAFIQAH BINTI NOR HUZAIMI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN

KEPUJIAN2021

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKW

**KEUNIKAN SENI BINA RUMAH DEMANG
ABDUL GHANI SEBAGAI KHAZANAH YANG TELAH
DIPELIHARA**

DISEDIAKAN OLEH:

NUR SYAFIQAH BINTI NORHUZAIM

Laporan ini disediakan bagi memenuhi keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, projek penyelidikan ini berjaya saya selesaikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan walaupun terdapat kekangan yang perlu dilalui semasa menyelesaikan projek penyelidikan ini.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantanserta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini.

Seterusnya, saya ingin melafazkan setinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Sahrudin Bin Mohamed Som atas nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang kajian ini dilakukan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya dan turut memberikan pandangan dan pembetulan terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Selain itu, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua- dua ibu dan bapa saya Nor Huzaimi Bin Naim dan Rosnas Binti Ramelan yang dikasihi dan dihormati kerana telah menjadi pembakar semangat saya dalam melakukan apa jua perkara di dalam kehidupan termasuklah menyempurnakan tugas projek penyelidikan ini.

Tidak dilupakan juga kepada adik- beradik dan keluarga terdekat saya yang memberikan dorongan serta nasihat kepada saya untuk melaksanakan projek penyelidikan ini. Tanpa mereka, mungkin saya tidak mampu untuk sampai ke tahap ini.

Serta kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberikan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam pelaksanaan kajian ini. Akhir sekali, semoga dengan segala bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu membuka lembaran baru terhadap sejarah dan warisan yang terdapat di Malaysia.

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*


TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



NUR SYAFIQAH BINTI NOR HUZAIMI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

ETKWW

PENGAKUAN

Projek bertajuk “ KEISTIMEWAAN SENI BINA RUMAH DEMANG ABDUL GHANI SEBAGAI KHAZANAH YANG TELAH DIPELIHARA” telah

disediakan oleh (NUR SYAFIQAH BINTI NOR HUZAIMI) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Konservasi Warisan).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(ENCIK SAHRUDIN BIN
MOHAMED SOM)

Tarikh:

FTKW

**KEISTIMEWAAN SENI BINA RUMAH DEMANG
ABDUL GHANI SEBAGAI KHAZANAH YANG TELAH
DIPELIHARA**

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Keistimewaan Seni Bina Rumah Demang Abdul Ghani Sebagai Khazanah Yang Telah Dipelihara”. Demang Abdul Ghani merupakan seorang penghulu dikawasan Merlimau pada tahun 1850. Rumah ini didirikan pada 1894. Pengkaji menyasarkan rumah berkenaan kerana gabungan pengaruh seni bina yang terdapat pada struktur binaannya. Meskipun masyarakat menyedari akan keunikan pengaruh seni bina terdahulu, malangnya ada sebilangan daripada mereka memandang enteng akan kepentingan nilai estetikanya sehinggakan rumah ini menjadi antara warisan ketara yang berada dalam keadaan terbiar sebelum diambil alih oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) untuk dipulihara dan dipelihara. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti sejarah rumah Demang Abdul Ghani secara sah selain mengkaji keistimewaan pengaruh seni bina padanya. Objektif pengkaji juga ini menerangkan kaedah konservasi yang telah digunakan untuk membaikpulih rumah Demang Abdul Ghani. Kaedah pemerhatian dan analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan data sekaligus menyempurnakan proses penyelidikan ini dari fasa awal hingga akhir. Hal ini seterusnya dapat menghargai nilai warisan ketara yang berharga ini khususnya untuk generasi yang akan datang.

Kata Kunci: *keistimewaan, seni bina, rumah, Rumah Demang Abdul Ghani, khazanah warisan, pemeliharaan*

PRIVILEGES OF DEMANG HOUSE
ARCHITECTURE ABDUL GHANI AS A TREASURE
THAT HAS BEEN PRESERVED

ABSTRACT

This research project is a study on "The Privilege of Demang Abdul Ghani House Architecture as a Preserved Treasure". Demang Abdul Ghani was a penghulu in the Merlimau area in 1850. This house was built in 1894. Researchers targeted the house because of the combined date of architectural influence found on its structure. Although the community is aware of the unique influence of previous architecture, unfortunately some of them underestimate the importance of its aesthetic value so that this house became one of the significant heritage that was in a state of disrepair before being taken over by the National Heritage Department (JWN) to be preserved and preserved. The objective of this study is to identify the authentic history of Demang Abdul Ghani's house in addition to studying the special influence of architecture on it. The objective of this researcher is also to describe the conservation methods that have been used to repair Demang Abdul Ghani's house. Methods of observation, interviews and document analysis are used to obtain data while completing this research process from the beginning to the end. This in turn can appreciate the value of this valuable tangible heritage especially for future generations.

Keywords: *privilege, architecture, house, Demang Abdul Ghani House, heritage treasures, preservation*

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	JUDUL	i
	PERAKUAN STATUS TESIS	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI RAJAH	viii
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.6.1 Individu	8
	1.6.2 Institusi	9
	1.6.3 Pelancongan	9
	1.7 Skop Kajian	10

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	11
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 Pendekatan Konservasi	13
	2.3 Identiti Senibina Cina Di Malaysia	14
	2.4 Pengaruh Seni Bina Di Malaysia	15
	2.5 Kajian Dilapidasi	16
BAB 3	METODOLOGI	17
	3.1 Pengenalan	17
	3.2 Rekabentuk Kajian	19
	3.2.1 Kajian Terdahulu	20
	3.2.2 Kajian Lapangan	21
	3.2.3 Catatan	21
	3.2.4 Rakaman Foto	21
	3.2.5 Kaedah Perpustakaan	21
	3.2.6 Kaedah Pemerhatian	22
	3.3 Instrumen Kajian	23
	3.4 Kaedah Analisis Kajian	24
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	25
	4.1 Pengenalan	25
	4.2 Sejarah Rumah Demang Abdul Ghani Di Pekan Merlimau, Melaka	26
	4.2.1 Sejarah Pembinaan Rumah Demang Abdul Ghani	28

	4.3 Pengaruh Luar Yang Terdapat Pada Fasad Senibina Rumah Demang Abdul Ghani	32
	4.3.1 Pengaruh Seni Bina Melayu	34
	4.3.2 Pengaruh Seni Bina Inggeris	40
	4.3.3 Pengaruh Seni Bina Cina	43
	4.4 Proses Pemuliharaan Yang Telah Dijalankan	49
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN	66
	5.1 Pengenalan	66
	5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	66
	5.2.1 Mengetahui Sejarah Rumah Demang Abdul Ghani Di Merlimau, Melaka	67
	5.2.2 Mengkaji Pengaruh Luar Yang Terdapat Pada Fasad Binaan Rumah Demang Abdul Ghani	67
	5.2.3 Mengkaji Pemuliharaan Yang Telah Dijalankan Di Rumah Demang Abdul Ghani	68
	5.3 Rumusan	69
	5.4 Cadangan	69
	5.5 Penutup	70

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Fasad Hadapan Rumah Demang Abdul Ghani	4
1.2	Fasad Sisi Rumah Demang Abdul Ghani	5
1.3	Peta Lokasi Rumah Demang Abdul Ghani	11
2.1	Galeri Rumah Demang Abdul Ghani	13
2.2	Tangga Batu Bersalut Jubin	14
3.1	Carta Aliran Proses Kaedah Kajian Sebelum, Semasa Dan Selepas	182
3.2	Carta Aliran Metodologi Kajian	19
4.1	Pandangan Hadapan Rumah Demang Abdul Ghani	26
4.2	Lokasi Rumah Demang Abdul Ghani	28
4.3	Pandangan Hadapan Rumah	30
4.4	Bumbung Rumah Demang Abdul Ghani	34
4.5	Tiang Seri Rumah Demang Abdul Ghani	36
4.6	Serambi Atau Anjung	37
4.7	Rumah Ibu	38
4.8	Rumah Dapur	38
4.9	Pelantar	39
4.10	Loteng	39
4.11	Struktur Pengudaraan	40
4.12	Struktur Siling	41

4.13	Tingkap	42
4.14	Hiasan Naga Pada Pagar Kecil	45
4.15	Hiasan Naga Pada Tiang Seri	46
4.16	Pintu Bahagian Pelantar	47
4.17	Pintu Belakang	48
4.18	Kaedah Cantuman Foto Bergrid	56
4.19	Tiang Seri Sebelum Dan Selepas	57
4.20	Tiang Sebelum Dan Selepas	57
4.21	Pintu Masuk Sebelum Dan Selepas	58
4.22	Tiang Di Beranda Sebelum Dan Selepas	58
4.23	Dinding Sebelum Dan Selepas	59
4.24	Singgahsana Selepas Dan Sebelum	60
4.25	Kolah Air Sebelum Dan Selepas	61
4.26	Bahagian Sisi Rumah Sebelum Dan Selepas	62
4.27	Kerosakan Pada Rumah Demang Abdul Ghani	63
4.28	Antara Kerja Pemuliharaan Yang Dilaksanakan	64
2.29	Pandangan Hadapan Rumah Sebelum Dan Selepas Dipulihara	65

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Kaedah Analisis Data	24
4.2	Keperluan Dokumentasi Jabatan Warisan Negara	50

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di mata dunia Melaka telah dikenali sebagai sebuah negeri yang mempunyai pelbagai jenis warisan seperti dari sudut sejarah serta seni bina bangunannya. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka (1262) Melaka telah dibuka oleh seorang putera raja yang dikenali sebagai Parameswara yang berketurunan dari Palembang. Kedudukan Melaka yang terhalang dari tiupan angin monsun merupakan salah satu faktor Melaka menjadi lokasi yang strategik untuk dijadikan sebuah kerajaan. Selain itu, Melaka juga berada di tebing Selat Melaka yang menjadi laluan yang menghubungkan negara China, India dan Timur seterusnya menjadikan Melaka sebagai pusat pelabuhan enterpot yang berjaya pada zaman tersebut.

Rumah Penghulu Abdul Ghani dibina pada tahun 1831 oleh Penghulu Abdul Majid iaitu penghulu pertama rumah tersebut. Rumah ini didirikan oleh seorang hartawan yang berasal dari Palembang. Selepas kematian Abdul Majid beliau, beliau menyerahkan rumah ini diserahkan kepada anak beliau yang bernama Abdul Ghani.

Demang adalah ‘raja kecil’ dan amat dihormati oleh masyarakat yang berperanan sebagai pemimpin dikawasan kampung. Kos pembinaannya dianggarkan sekitar RM 33,000.00 (nilai semasa tahun pembinaan) menggunakan kemahiran tiga tukang kayu iaitu Mahmud Kelantan, Manap Gopeng dan Pendek Pendekar serta mengambil masa 2 tahun untuk disiapkan. Ia didirikan tanpa menggunakan paku. Rumah warisan ini telah menjalani projek pemuliharaan pada 12 November 2007 oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Bagi mengralkan struktur asal bangunan tersebut projek pemuliharaan ini menelan beberlanjaan sebanyak RM1.7 juta.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian dan penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan dengan rumah warisan Rumah Penghulu Abdul Ghani. Rumah tersebut berlokasi di Pekan Merlimau, Jasin. Rumah tersebut menerima pelbagai pengaruh yang dibawa dari negara Barat dan pengaruh dari China. Seni bina didapati telah sebatu di dalam kalangan masyarakat tempatan sehingga mereka menerima baik keunikan tersebut harus dikekalkan dan dapat disaksikan untuk generasi pada masa hadapan. Pemeliharaan juga penting agar warisan ini terus dijaga dan menjadi salah satu khazanah warisan yang menjadi kebanggaan dengan kemegahan rumah tersebut yang pernah dimiliki oleh pemimpin Islam yang disegani sewaktu ketika dahulu.

Pengkaji sangat bersetuju dengan keputusan yang diambil kerajaan Negeri Melaka yang membaikpulih dan memelihara bangunan warisan ini serta menjadikan ianya sebagai sebuah galeri khas yang memaparkan keunikan Rumah Tradisional Melaka dan sejarahnya. Seperti yang kita tahu Melaka merupakan negeri yang kaya dari segi sejarah dan asal usulnya. Lebih menarik lagi pengaruh seni bina bangunannya yang unik hasil daripada gabungan seni bina Eropah, British, China dan Melayu yang berjaya menarik perhatian orang ramai pada zaman dahulu. Sekiranya kita pergi ke negeri seperti Terengganu, Pahang, Perak dan di lain-lain negeri, kita dapat melihat bangunan sebegini dipulihara dan dipelihara serta telah dijadikan galeri dan sebagainya.

Oleh yang demikian, pengkaji telah mencuba untuk memartabatkan kembali nilai warisan ketara ini yang dengan menyedari bahawa is sesuatu yang sudah jarang dijumpai di era modenisasi ini.



Rajah 1.1: Fasad Hadapan Rumah Demang Abdul Ghani.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 7 Julai 2020)



Rajah 1.2: Fasad Sisi Rumah Demang Abdul Ghani.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 7 Julai 2020)

1.3 Penyataan masalah

Pernyataan masalah ialah bahagian dimana pengkaji ingin menghuraikan berkenaan cabaran serta permasalahan yang perlu pengkaji selidik. Hasil di bahagian ini didapati melalui pembacaan pengkaji serta pemerhatian yang dilaksanakan. Seterusnya, data yang didapati oleh pengkaji hasil daripada penelitian dokumen daripada sumber yang lain bagi setiap objektif yang ditetapkan oleh pengkaji berserta dengan sumber rujukannya.

Pertama sekali, kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan bersejarah berada ditahap yang kurang memuaskan. Pengaruh penduduk setempat berkenaan pentingnya merawat serta memelihara warisan tempatan masih berada ditahap yang rendah (Yuzana Muhammad, 2019). Hal ini seolah tidak memperdulikan keberadaan dan kepentingan sesuatu warisan yang mempunyai nilai sejarahnya tersendiri.

Selain itu, pandangan orang awam mengenai keunikan seni bina tempatan berada di tahap yang rendah. Kebanyakan bangunan bersejarah di Malaysia mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Namun masih tidak dapat memikat hati masyarakat sekelilingnya untuk membantu menjadikan bangunan ini sebagai ikon pelancongan serta menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan. Bagi Wan Hashimah (2012) dan Shahrul (2013) mereka berpendapat bahawa pandangan serong daripada masyarakat sekeliling menjadi salah satu faktor ketidak kebersanan pemuliharaan terhadap kawasan warisan.

Seterusnya, kenangan bagi memperoleh sumber rujukan yang sahih berkaitan dengan sejarah asal rumah Demang Abdul Ghani. Hal ini disebabkan oleh, terdapat pelbagai sumber berkaitan latar sejarah Rumah Demang Abdul Ghani atau dikenali sebagai rumah Penghulu Natar. Rumah ini dipercayai didirikan pada tahun 1894 oleh seorang penghulu yang dikenali sebagai Penghulu Abdul Ghani yang bertanggungjawab untuk membuka sebuah perkampungan di Merlimau pada tahun 1850. Selain itu, versi lain sejarah rumah ini menyatakan bahawa rumah ini telah dibina pada tahun 1831 oleh Penghulu pertama rumah tersebut yang digelar sebagai Penghulu Abdul Majid.

1.4 Objektif kajian

Antara objektif yang pengkaji mahu perolehi dalam kajian ini adalah:

- I. Mengetahui sejarah Rumah Demang Abdul Ghani di Merlimau, Melaka.
- II. Mengkaji pengaruh seni bina yang terdapat pada fasad Rumah Demng Abdul Ghani.
- III. Mengkaji pemuliharaan yang telah dijalankan di Rumah Demang Abdul Ghani.

1.5 Persoalan kajian

Antara persoalan kajian yang ingin dijawab oleh pengkaji ialah:

- I. Bagaimanakah sejarah Rumah Demang Abdul Ghani di Merlimau, Melaka.
- II. Apakah pengaruh seni bina yang terdapat pada fasad di Rumah Demng Abdul Ghani.
- III. Bagaimanakah cara pemuliharaan yang telah dijalankan di Rumah Demang Abdul Ghani?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang ingin pengkaji dilakukan haruslah memberi kesan yang baik kepada pelbagai pihak. Kajian yang ingin pengkaji laksanakan memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah yang akan wujud semasa kajian ini dilaksanakan. Antara kepentingan yang digariskan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1.6.1 Individu

Dari segi individu, dengan terhasilnya kajian seperti ini rata-rata masyarakat mudah untuk menerima maklumat berkenaan sejarah dan asal usul rumah bersejarah di Pekan Merlimau, Melaka yang mempunyai keunikan seni bina yang tersendiri. Oleh yang demikian, maklumat yang diperoleh berkenaan rumah tersebut perlulah didapati melalui sumber yang benar dan yang diperakui kesahihannya tanpa sebarang unsur penambahan bagi menyedapkan jalan cerita. Selain itu, dengan adanya unsur kajian seperti ini dijalankan pemilik atau pewaris dapat memperoleh beberapa manfaat daripada nya iaitu seperti rumah ini diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan, rumah ini dibaik pulih dan diwartakan pada 16/4/1982 dibawah Akta Bendapurba 1976 serta menjadi sebagai ikon pelancongan di Melaka.

Kerajaan negeri Melaka dengan kerja sama pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah mengambil alih rumah ini dan menjadikan ia sebagai sebuah galeri ataupun muzium untuk dikunjungi oleh pelancong didalam negara mahupun luar negara. Dengan terhasilnya kerjasama ini kerajaan Melaka dapat menjana pendapat negara melalui sektor pelancongan.

1.6.2 Institusi

Penyelidik mensasarkan agar dengan terhasilnya projek penyelidikan ini, pelajar mampu memberi pengetahuan mengenai kesan pemeliharaan rumah Demang Abdul Ghani keatas ekonomi masyarakat setempat. Selain itu, projek penyelidikan ini juga boleh dijadikan rujukan kepada orang ramai yang ingin mengetahui dan mendalami mengenai kesan pemuliharaan rumah Demang Abdul Ghani keatas ekonomi masyarakat setempat. Jika projek penyelidikan ini berjaya membuka mata pelbagai pihak termasuklah Jabatan Warisan Negara dan masyarakat, nama Universiti Malaysia Kelantan akan turut terpalit seterusnya menjadikan universiti ini sebagai sebuah universiti yang gah dan mampu bersaing dengan universiti awam yang lain.

1.6.3 Pelancongan


Bangunan bersejarah mempunyai potensi dijadikan sebagai produk pelancongan sekiranya dipulihara dan diubahsuai fungsi asalnya. Keunikan seni bina Rumah Demang Abdul Ghani berupaya menarik pelancong asing untuk datang berkunjung ke Melaka bagi melihat sendiri nilai warisan yang terdapat pada gabungan pengaruh seni bina lama ini. Dalam hal ini, sememangnya sukar untuk kita menjumpai rumah yang dibina pada zaman silam yang mempunyai pengaruh senibina tempatan dan asing masih kekal utuh pada hari ini. Diharapkan dengan projek penyelidikan ini, Rumah Demang Abdul Ghani mampu menjadi salah satu destinasi yang ingin dikunjungi oleh pelancong. Bahkan bukan sahaja sektor pelancongan akan ditingkatkan malahan pendapatan negara juga mampu dilipat gandakan. Sekali gus mampu membantu dalam pembangunan negara.

1.7 Skop kajian

Kajian dijalankan lebih berfokus kepada Rumah Demang Abdul Ghani yang berlokasi di Jalan Permatang Serai, Pekan Merlimau di daerah Jasin, Melaka. Rumah tradisional ini dipercayai didirikan oleh seorang bangsawan yang berketurunan dari Palembang pada tahun 1831. Rumah ini dijadikan sebagai sebuah pusat pelancongan setelah rumah ini siap dipulihara pada tahun 2007.

Dalam pada itu, dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan kesan pemuliharaan Rumah Demang Abdul Ghani. Seperti sedia maklum, sesebuah bangunan yang telah bertahun lamanya mungkin mempunyai keunikan yang tersendiri. Pengkaji akan mengfokuskan keistimewaan senibina rumah tinggalan dengan melalui kajian terhadap bumbung, dinding, tangga, corak, bahan binaan dan sebagainya.

Penyelidikan ini menerangkan proses pemeliharaan yang telah dilakukan di Rumah Pengulu Abdul Natar dari awal rumah ini terbiar sehingga lah ianya menjadi sebuah galeri yang mampu menarik pelancong dari pelbagai negeri. Penyelidik juga ingin melihat sejauh mana pemeliharaan Rumah Pengulu Abdul Ghani memberi kesan kepada penduduk setempat daripada segi ekonomi



Peta 1.3: Lokasi Rumah Demang Abdul Ghani, Merlimau, Melaka

Sumber: <https://www.google.com.sg/maps/place/Demang+Abdul+Ghani>

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan Kajian atau digelar sebagai Kajian Literatur adalah penerangan fakta yang menyakinkan sesebuah objektif. Ia memberi bukti bahawa fakta yang dipakai bukanlah sebuah ciptaan. Bagi Bryman & Bell (2003), ianya membawa maksud bahan rujukan secara serius dan tersusun mengenai sesuatu data yang boleh diperoleh di perpustakaan atau literature berkenaan tajuk atau fokus kajian penyelidikan. Di dalam bab ini terdapat pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian tajuk yang dipilih pengkaji.

Di samping daripada bahan bercetak, sorotan kajian juga boleh dilakukan melalui media elektronik seperti contoh laman sesawang atau web dalam rangkaian internet. Beberapa kajian literatur telah digariskan berkaitan tajuk kajian iaitu "Motif seni bina Rumah Demang Abdul Ghani" dan "Pengaruh Senibina dan Hiasan di Rumah Tradisional Melaka: Kajian Kes Rumah Demang Abdul Ghani, Merlimau, Melaka". Seterusnya, penyelidik telah menggunakan akhbar untuk mencari maklumat berkenaan data ekonomi negeri Melaka sekali gus berkaitan dengan ekonomi penduduk setempat.

2.2 Pendekatan Konservasi

A Ghafar Ahmad di dalam satu artikel yang bertajuk Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah (2006; 50), membahaskan tentang pendekatan pemuliharaan atau konservasi terhadap bangunan bersejarah. Pendekatan seperti ini diperlukan bagi menjamin keaslian dan kepentingan sesebuah bangunan bersejarah itu terpelihara dan tidak terjejas. Pemuliharaan bangunan mempunyai beberapa prinsip yang telah digariskan seperti meminimalkan gangguan, menjalankan kajian saintik, pengdokumentasian kerja pemuliharaan, dan mengaplikasi teknik yang betul.



Rajah 2.1: Galeri Rumah Penghulu Abdul Ghani.

(Sumber: Kajian Lapangan, 7 Julai 2020)

2.3 Identiti Senibina Cina di Malaysia

Menurut sebuah kajian yang bertajuk ‘Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina Di Malaysia’ pada tahun 2015 (Dr. Siti Norlizaiha Harun) menyatakan seni bina bangunan di Malaysia juga mempunyai pengaruh China. Bermula daripada Dinasti Tang pengaruh seni bina Cina telah berjaya mempengaruhi beberapa buah negara jiran iaitu seperti Korea, Jepun, Malaysia dan sebagainya. Seni tradisional dan Baba-Nyonya adalah contoh seni bina yang dibawa oleh Cina. Untuk melihat karya warisan Baba-Nyonya seperti hiasan jubin, hiasan ragam dan sebagainya kita dapat perhatikan di Pulau Pinang serta Melaka. Gabungan ini berlaku dalam situasi penuh mesra dan harmoni.



Rajah 2.4: Tangga Batu Bersalut Jubin Berpengaruh Seni Bina Cina pada

Rumah Tradisional Melaka. (Sumber: Kajian Lapangan, 7 Julai 2020)

2.4 Pengaruh seni bina

Menurut Hussin Jalid (1985), Bangunan yang dibina di Malaysia kebanyakannya merangkumi lambang senibina Nusantara. Selalunya bangunan yang mempunyai nilai Nusantara akan mempunyai perbezaannya dari segi bumbung curam, bumbung bertingkat tirus dan juga menaranya. Reka bentuk pengaruhnya amat unik serta menarik. Bangunan yang terdapat di Kelantan dan juga Terengganu amat terkenal dengan kepelbagaian motif ukiran yang mengikut kreatif sendiri. Selalunya motif flora, geometri serta kaligrafi yang diterapkan pada bangunan selalu digunakan dalam senibina bangunan kerana menggambarkan identiti Melayu Nusantara. Namun, pelbagai teori diketengahkan dalam proses mengkaji asal usul motif ukiran ini.

2.5 Kajian Dilapidasi


Menurut Anthony Tee Mooi Kwong (2017) di dalam artikel bertajuk *Critical Element in Refurbishment of Dilapidated Heritage Building at Georgetown World Heritage Site in Sustaining Tourism Development*, dilapidasi adalah istilah yang digunakan dalam merujuk kerosakan atau kemusnahan, pembaziran, keadaan premis atau bangunan. Ini bermakna, kerosakan atau pembaziran keadaan bangunan yang rosak disebabkan oleh pengabaian berterusan dalam penyelenggaraan dan pembaikan dengan sengaja atau sebaliknya. Struktur yang tidak selamat ini mengancam keselamatan orang awam, mengurangkan nilai harta benda di sekelilingnya serta nilai estetika terhadap bangunan itu. Kajian dilapidasi ini menjadi sesuatu perkara yang penting untuk dijalankan sebelum memulakan kerja pemuliharaan atau pembaikan.

BAB 3**METODOLOGI****3.1 Pengenalan**

Bagi mencapai objektif-objektif kajian seperti yang dinyatakan didalam bab 1, pengumpulan data dilaksanakan. Metodologi adalah sebuah sistem yang mengandungi cara dan prinsip yang dilaksanakan dalam sesebuah kegiatan. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Untuk mendapat maklumat dan data yang berkaitan kajian, metodologi memainkan peranan yang amat penting.

MALAYSIA

KELANTAN




Rajah 3.1 : Proses-proses kaedah kajian sebelum, semasa dan selepas.

Sumber : Olahan penulis. Kaedah Kajian penyelidikan 2020

3.2 Rekabentuk Kajian

Semasa menjalankan kajian, metodologi penyelidikan digunakan dalam perancangan awal akan membantu dalam menjalankan kajian agar tersusun dan teratur (Najib, 1999). Oleh itu, untuk mencapai objektif yang ditetapkan, kaedah yang diguna pakai disepanjang kajian ini dijalankan perlu dikenalpasti dan dirangka.

Data kualitatif ini diperoleh melalui pemerhatian yang dilaksanakan oleh pengkaji, pembicaraan dan bahan bertulis (Patton, 1990). Bagi kaedah kuantitatif merupakan cara yang melibatkan kuantiti atau jumlah. Data ini diukur menggunakan bahan-bahan tertentu seperti seperti borang soal selidik dan ujian.



Rajah 3.2: Carta Alir Metodologi Kajian.

3.2.1 Kajian Terdahulu

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan di dalam suatu kajian untuk memperolehi data, maklumat dan sebagainya. Kepentingan kajian terdahulu adalah untuk memastikan pengkaji mendapat maklumat yang jelas dan tepat berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan. Terdapat beberapa perbandingan kaedah kajian terdahulu dan sekarang dalam sesebuah proses penyelidikan.

Berdasarkan kaedah kajian terdahulu tidaklah banyak metodologi yang digunakan untuk memperolehi data atau maklumat berbanding dengan kaedah kajian sekarang. Metodologi sekarang mempunyai banyak yang boleh digunakan secara kualitatif atau kuantitatif. Hal ini dikatakan demikian untuk memastikan data atau maklumat yang diperolehi adalah betul dan tepat. Antara contoh metodologi kajian sekarang yang digunakan adalah kaedah tembual, pemerhatian, catatan, soal selidik dan fotografi. Keadaan ini menyebabkan perbandingan yang sangat ketara antara kaedah kajian terdahulu dan kaedah kajian sekarang. Hal ini juga menyebabkan kaedah kajian sekarang lebih membantu dalam memperolehi data dan menganalisis kajian mengikut kaedah yang digunakan.

Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat perbandingan antara kaedah kajian terdahulu dan kaedah kajian sekarang yang mampu membantu dan mempercepatkan proses penyelidikan terhadap kajian yang dilakukan dalam usaha mengumpulkan data-data yang diperlukan. Walaubagaimanapun,

kedua-dua kaedah ini mempunyai kepentingan yang sedia ada dalam proses penyelidikan terdahulu mahupun sekarang.

3.2.2 Kajian Lapangan

Kaedah survei ialah perancangan awal yang selalu digunakan dalam bidang arkeologi. Kaedah survei dilaksanakan pada permulaan kajian ingin dilaksanakan oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian.

3.2.3 Catatan

Cara ini dilaksanakan bagi pengkaji mencatat segala maklumat yang diperoleh semasa kajian dijalankan.

3.2.4 Rakaman foto

Pengkaji menggunakan kaedah fotografi iaitu mengambil gambar atau video di kawasan kajian bagi dijadikan sebagai bukti pengkaji menjalankan kerja lapangan. Foto boleh diambil menggunakan beberapa jenis peranti seperti telefon pintar dan kamera DCSLR.

3.2.5 Kaedah perpustakaan

Kaedah ini digunakan pengkaji bagi mendapatkan data sokongan serta mendapatkan bukti dan data tentang sesuatu kajian yang ingin dilakukan. Pengkaji telah membuat rujukan di jurnal, buku, kertas-kertas seminar serta melayari internet bagi memperoleh maklumat.

3.2.6 Kaedah pemerhatian

Denzin dan Lincoln (1998) memberi pandangan seperti mengumpul sumber kajian melalui kaedah pemerhatian serta menggunakan alat bantuan rakaman seperti telefon bimbit dan kamera boleh digunakan bagi memperoleh data yang asli.

3.3 Instrumen Kajian

Untuk menjalankan kajian ini kaedah yang diguna pakai adalah menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah pemerhatian. Kaedah ini dilaksanakan dengan cara pengkaji melawati tempat lapangan dilaksanakan agar dapat memerhati rekabentuk senibina rumah tersebut secara dekat. Bagi langkah- langkah untuk meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan kaedah pemerhatian ini, pengkaji Pengkaji menggunakan kaedah fotografi iaitu mengambil gambar atau video di kawasan kajian bagi dijadikan sebagai bukti pengkaji menjalankan kerja lapangan. Foto boleh diambil menggunakan beberapa jenis peranti seperti telefon pintar dan kamera DCSLR. Akhir sekali, hasil yang diperolehi akan dimasukkan kedalam catatan pengkaji.

3.4 Kaedah Analisis Data

Kajian dilaksanakan dengan pemerhatian ke lokasi kajian serta penelitian dokumen.

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
Mengetahui sejarah Rumah Demang Abdul Ghani di Merlimau, Melaka.	Pemerhatian, Penelitian Dokumen dan Kajian Terdahulu
Mengkaji pengaruh seni bina yang terdapat pada fasad Rumah Demng Abdul Ghani.	Pemerhatian dan Penelitian Dokumen
Mengkaji pemuliharaan yang telah dijalankan di Rumah Demang Abdul Ghani.	Pemerhatian, Penelitian Dokumen dan Kajian Terdahulu

Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 merupakan bahagian yang mengandungi dan menjelaskan segala maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian serta tajuk yang dipilih.

Pengkaji menjalankan kajian di Pekan Merlimau, Melaka. Hasil daripada penelitian dokumen dan perbincangan dengan beberapa pihak yang terlibat dalam projek penyelidikan ini, dapat dijelaskan bahawa Rumah Demang Abdul Ghani mempunyai sejarah kewujudan yang unik dan khazanah warisan seni bina yang terlihat di struktur yang dapat dijadikan aset warisan yang layak dimartabatkan dan terus menjadi pusat pelancongan yang menarik untuk dilawati.

4.2 Sejarah Rumah Demang Abdul Ghani di Pekan Merlimau, Melaka.



Rajah 4.0 : Pandangan Hadapan Rumah Demang Abdul Ghani.


(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Negeri Melaka merupakan salah satu negeri yang mempunyai nilai sejarah sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini menyebabkan Melaka merupakan sebuah negeri yang telah dijajah oleh penjajah Inggeris dan didatangi oleh pedagang daripada pelbagai negara seperti Arab, Cina dan sebagainya.

Oleh itu, timbulnya rekabentuk senibina yang mempunyai campuran pengaruh asing dan tempatan seperti Rumah Demang Abdul Ghani ini. Bagi pengkaji, rumah penghulu kampung ini mempunyai keunikan tersendiri serta dapat melambangkan kehalusan seni bina itu sendiri. Walaupun zaman telah sedang meniti arus kemodenan, setiap jejak sejarah dan budaya tidak boleh dibiarkan lapuk dek telan zaman.

Oleh yang demikian, semua warisan yang berkaitan bangunan atau rumah warisan perlu dijaga sepanjang zaman agar sejarah dan asal usul rumah Demang Abdul Ghani dijaga sepenuhnya dan boleh dijadikan rujukan bagi orang lain.

4.2.1 Sejarah Pembinaan Rumah Demang Abdul Ghani.



Peta 4.1: Rumah Demang Abdul Ghani, Merlimau, Melaka

(Sumber:

[https://www.google.com.sg/maps/place/Demang
g+Abdul+Ghani+Gallery](https://www.google.com.sg/maps/place/Demang+Abdul+Ghani+Gallery))

Rumah Demang Abdul Ghani ini terletak di Jalan Permatang Serai, Pekan Merlimau di Daerah Jasin, Melaka. Rumah ini dibina pada tahun 1985 oleh penghulu pertama yang bernama Penghulu Abdul Majid merupakan seorang hartawan yang berketurunan dari Palembang. Pada asalnya rumah ini dikenali sebagai Rumah Penghulu Abdul Ghani, ayah kepada Penghulu Mat Natar yang kemudiannya diwarisi oleh beliau.

Rumah ini mempunyai dua buah komponen rumah yang bersambung menjadi satu. Rumah Melaka iaitu Rumah Bumbung Panjang Tiang Enam Belas terletak pada bahagian belakang merupakan kediaman rasmi keluarga Penghulu. Manakala Rumah Limas Johor yang bersambungan menjadi anjung terbuka kepada Rumah Melaka berkenaan. Di sinilah Penghulu Ghani mengadakan

pertemuan dengan penduduk kampung di mana bangku panjang gaya Victoria dibina pada sepanjang sisi anjung untuk duduk bermesyuarat.

Penghulu atau demang merupakan 'Raja Kecil' dan amat dihormati oleh masyarakat pada ketika itu. Bangunan ini digunakan sebagai pusat pentadbiran kampung dan tempat penduduk setempat mengadakan pertemuan sehingga ianya dikenali sebagai Istana Merlimau. Seni bina rumah ini dipengaruhi oleh seni bina daripada Palembang, Melayu, Chapa, China, Filipina dan Kemboja. Ianya mengambil masa hampir 3 tahun untuk disiapkan dan dinaik taraf sedikit demi sedikit sehinggalah siap sepenuhnya pada tahun 1918.

Bangunan ini dibina dengan menggunakan kayu yang berkualiti sangat tinggi seperti Kayu Merbau, Kayu Chengal dan Kayu Jati. Selain itu jubin yang digunakan untuk membina rumah tersebut menggunakan jubin daripada tanah besar China, Perancis dan Jepun yang telah dibawa masuk oleh pedagang-pedagang yang singgah ke pelabuhan Melaka, dan terdapat banyak seni ukiran yang diinspirasi oleh seni flora dan fauna, salah satu yang menarik perhatian semasa melangkah masuk ke rumah tersebut ialah Labu dan Nanas yang membawa maksud kemewahan dan kemanisan untuk Tuan Rumah dan para tetamu yang hadir ke rumah tersebut. Rumah ini mengandungi enam bahagian penting iaitu serambi atau anjung, rumah ibu, rumah dapur, pelantar, loteng dan pangkin.

Pada 16/4/1982 rumah ini telah diwartakan dalam Akta Bendapurba 1976. Kos pembinaan rumah ini boleh dianggarkan sekitar RM33,000.00 (nilai semasa tahun pembinaan) menggunakan kemahiran tiga tukang kayu tempatan iaitu Mahmud Kelantan, Manap Gopeng dan Pendek Pendekar. Rumah ini

didirikan tanpa menggunakan paku dan mengambil masa 2 tahun untuk disiapkan.

Pada tahun 2006 rumah ini telah didaftarkan sebagai Warisan Kebangsaan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). 12 November 2007, Jabatan Warisan Negara telah membelanjakan hampir RM1.7 juta untuk proses membaik pulih bangunan warisan tersebut untuk dijadikan sebagai tarikan pelancongan dan salah satu warisan sejarah, dan pada tahun 2012 Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah mengambil alih rumah berkenaan sebagai salah satu cara untuk memelihara dan menyelenggara rumah tersebut dengan lebih mudah.



Peta 4.2: Pandangan Rumah Demang Abdul Ghani, Merlimau, Melaka

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Akhirnya rumah tersebut telah dijadikan sebagai Galeri Demang Abdul Ghani pada tahun 2012. Usaha kerajaan negeri dan muzium untuk mempromosikan dan memelihara rumah tersebut akhirnya membuahkan hasil pada tahun 2018, apabila Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengiktirafkan rumah tersebut sebagai salah satu warisan UNESCO.

ETKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 Pengaruh Luar Yang Terdapat Pada Fasad Senibina Rumah Demang Abdul Ghani.

Negeri Melaka terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai kekayaan seni bina yang baik seperti bangunan-bangunan kerajaan, rumah-rumah ibadat, kediaman mahupun rumah kedai. Seni bina ini dipengaruhi hasil campuran pengaruh Cina, Inggeris, Palembang dan sebagainya yang datang berhijrah, berniaga dan mentadbir di Melaka. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji mengenai warisan seni bina yang terdapat pada fasad-fasad bahagian Rumah Penghulu Abdul Ghani.

Rumah Melaka tertua yang masih berdiri megah dan merupakan antara rumah Tradisional Melayu yang tercantik di negari ini. Ia mempunyai seni bina yang sangat unik dengan gabungan gaya seni bina Melayu, Cina dan Eropah. Reka bentuknya pula banyak dipengaruhi oleh seni binaan daripada Palembang, China, Kemboja, Champa dan Filipina. Selain itu, skala rumah ini adalah jauh lebih besar dari ukuran lazim Rumah Melaka.

Rumah ini diilhamkan oleh Penghulu Abdul Ghani sendiri dan dibina oleh beberapa Tukang Cina. Oleh itu, tidak hairanlah terdapat motif-motif Cina menghiasi dinding, pintu, tingkap dan pagar rumah ini. Pengunjung akan disambut dengan tangga batu Melaka yang sangat elegan berturapkan jubin berhias pelbagai warna yang diimport. Ia diapit oleh dua buah kolah air serta tiang berhias sebiji buah nenas sebagai lambang kemakmuran di kiri dan kanan tangga. Bangunan ini dibina dengan menggunakan kayu yang berkualiti tinggi seperti kayu Merbau, kayu Chengal dan kayu Jati diserikan lagi dengan sepasang pintu unik dengan hiasan dua ekor naga berlaga terletak di antara ruang verandah dengan anjung.

Selain itu juga, motif flora dan burung pada kepala pintu, tingkap serta pelamin yang jarang terdapat pada rumah-rumah Melayu asli menyerlahkan lagi seni pertukangan gaya Peranakan Cina yang dibina kekal di Rumah Ibu. Pengaruh barat diambil sebagai hiasan dalaman rumah ini kerana segala peralatan perabot berciri Eropah seperti meja, almari, kerusi dan katil yang diguna pakai di dalam rumah ini berbeza dengan cara tradisional Melayu seperti kebiasaannya yang hanya duduk bersila.

Rumah Belakang dan Rumah Dapur dipisahkan dari Rumah Ibu dengan sebuah halaman dalam (courtyard). Ia mempunyai dua buah pintu masuk di sebelah sisi dan belakang dengan rekabentuk Cina berbumbung genting Belanda. Bumbung Rumah Anjung, Rumah Ibu dan Rumah Belakang dibina dari zink iaitu bahan bumbung yang eksklusif pada masa itu. Manakala bumbung Rumah Dapur adalah dari genting India. Keseluruhan bangunan ini dicat dengan motif mempunyai pelbagai warna. Ini merupakan pengaruh senibina Cina kerana rumah-rumah tradisi Melayu lazimnya mengekalkan warna kayu tanpa dicat.

4.3.1 Pengaruh Seni Bina Melayu

Senibina Melayu boleh dilihat daripada segi teknologi pembinaan yang ringkas dan mudah bahan-bahan dari alam semulajadi. Pengaruh Melayu dapat dilihat daripada ciri binaan di bahagian atap atau bumbung, tiang, alang, rasuk, lantai, dinding dan lain-lain. Dalam pengaruh Melayu, ianya membawa maksud budaya, falsafah hidup dan tamadun sesuatu masyarakat setempat yang dizahirkan keatas binaan seperti rumah lama, masjid, istana raja, wakaf dan pusara atau makam. Oleh itu, terdapat beberapa pengaruh Melayu yang ada pada Rumah Demang Abdul Ghani yang dikenalpasti walaupun secara mata kasar binaan itu terlihat seperti ciri-ciri Inggeris.

I. Atap Bumbung



Rajah 4.7 :Bumbung pada Rumah Demang Abdul Ghani


(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Bumbung dan kemasannya adalah satu identiti bangunan bersejarah. Skala bumbung, bentuk, kecerunan dan jenis kemasannya yang digunakan mempengaruhi gaya seni bina sesebuah bangunan. Kemasannya pada bumbung menyumbang kepada warna, tekstur dan corak. Manakala pengaruh pembinaan dan pertukangan sama ada penduduk tempatan atau pendatang pula menyumbang kepada gaya persembahan bangunan.

Fasad bumbung Rumah Demang Abdul Ghani, kemasannya yang digunakan adalah bercirikan Melayu Tradisional, namun disebabkan keluarga ini terdiri dari golongan bangsawan jadi mereka mampu menggunakan atap zink. Selain itu, bahagian tebar layar ialah bahagian rumah yang berbentuk segi tiga yang menutupi ruang diantara dua kasau jantan yang bersilang yang mempunyai pengundaraan dan pencahayaan yang baik. Tebar layar yang dipasang akan mengikut arah matahari terbit dan jatuh yang menjadi tanda arah kiblat bagi sesebuah rumah Melayu.

II. Tiang seri

Tiang seri merupakan struktur utama dalam pembinaan sesebuah rumah Melayu. Pemilihan kayu yang baik untuk dijadikan sebagai tiang utama rumah amat dititik beratkan. Namun proses perletakan tiang seri dikatakan mempunyai pencampuran konsep Islam dan kepercayaan Hindu-Buddha. Tiang seri juga selalunya diukir dengan pelbagai jenis ukiran yang mempunyai motif tertentu.



Rajah 4.8 :Tiang Seri pada Rumah Demang Abdul Ghani

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

III. Serambi atau Beranda

Beranda adalah lanjutan kecil untuk rumah yang mempunyai asas yang sama dengannya atau bersebelahan dengan ruang masuk utama rumah.

Beranda mempunyai dua kategori iaitu sambungan secara terbuka dan tertutup.


Beranda yang terdapat pada Rumah Demang Abdul Ghani adalah jenis sambungan secara tertutup. Beranda atau serambi berfungsi sebagai tempat berehat dan menjadi fasad tambahan kepada hiasan rekaan rumah.

Pembinaannya menggunakan bahan yang tidak terdedah kepada pengaruh luaran, tahan lama dan mesra alam lazimnya seperti bahan batu, kayu atau kaca. Bagi serambi di Rumah Demang Abdul Ghani ini mempunyai kesan pengaruh Melayu kerana terdapat penggunaan lantai kayu dan seni ukiran.

IV. Struktur Ruang Rumah

Konsep rumah Melayu memperlihatkan fungsi ruang yang membantaskan pergaulan di antara lelaki dan perempuan. Ruang dapur yang luas bersesuaian dengan budaya orang Melayu yang gemar memasak, termasuk untuk aktiviti kenduri-kendara yang lebih dikenali sebagai rawang. Ruang-ruang dalam rumah dibahagikan mengikut keperluan dan kegunaannya.


Ruang paling hadapan dikenali sebagai serambi atau anjung (bahagian ruang lapang sebelum memasuki bahagian dalam rumah), ia biasanya menjadi tempat untuk pemilik rumah atau tetamu duduk bersembang atau berehat-rehat disebelah petang.



Rajah 4.9: Serambi Atau Anjung

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Rumah ibu, (bahagian ruang yang besar dan biasanya mengandungi beberapa buah bilik untuk dijadikan tempat istirehat pada sebelah malam.



Rajah 4.10: Rumah Ibu

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Selasar atau selang. Ruang pemisah yang menghubungkan diantara rumah ibu dan rumah dapur. Rumah dapur tempat untuk memasak dan menikmati masakan untuk makan tengahari atau makan malam.



Rajah 4.11: Rumah Dapur

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)


Pelantar adalah ruang basah yang berbumbung yang dibina antara rumah ibu dah dapur.



Rajah 4.12: Pelantar

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Loteng ruang di bahagian bumbung rumah dijadikan tempat simpanan barang-barang.



Rajah 4.13: Loteng

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

4.3.2 Pengaruh Seni Bina Inggeris

Seni bina gaya Inggeris telah melalui satu tempoh yang agak panjang dalam pembinaan bangunan di Malaysia ini kerana kesan daripada penjajahan. Terdapat beberapa jenis binaan yang ditinggalkan pihak penjajah daripada pelbagai negara seperti Belanda, Portugis mahupun British sendiri iaitu deretan rumah kedai di Jonker Walk, Afamosa, Gereja St Paul dan sebagainya. Pembinaan Rumah Demang Abdul Ghani menjadi bukti terhadap senibina Inggeris yang dapat dilihat secara ketara dan menjadi salah satu pengaruh budaya barat. Antara struktur binaan yang dapat dikenal pasti adalah:

I. Kekisi atau Lubang Angin Atas

Sebilangan orang menyebutnya sebagai kerrawang, batu angina tau sistem pengudaraan yang menjadi bahagian struktur bangunan yang mempunyai peranan khas dalam bentuk hiasan berlubang. Antara bahan yang digunakan untuk menghasilkan lubang angin atas ialah tanah liat, seramik kaca, campuran kayu, simen atau pasir konkrit, GRC (*Glassfibre Reinforced Cement*), besi atau logam tembaga bahkan ada yang dibina daripada batu semulajadi yang diukir. Lubang angin adalah peredaran udara yang merentas rumah (*cross ventilation*) disamping menjadi penghias fasad bangunan untuk lebih estetik.




Rajah 4.14: Struktur Pengudaraan

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

II. Siling

Pembinaan siling di bahagian beranda atau serambi juga bersifat kolonial. Fungsinya sama dengan gaya Melayu Tradisional yang dibuat dibawah bumbung untuk melindungi struktur kayu bumbung seperti perabung, lurah dan kayu kasau beranda dari penglihatan. Siling diperbuat daripada papan berbentuk segi empat sama atau persegi panjang, kosong (plain) dan mempunyai warna yang lembut dan ringan (putih susu) dimana terdapat kesan daripada pengaruh Renaissance.



Rajah 4.15: Struktur Siling

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

III. Tingkap

Gaya kolonial mengandungi garis-garis mudah dan perkadaran yang betul dimana ia amat dititik beratkan oleh petukang. Binaan ini dicirikan oleh simetri dan keseimbangan, rekabentuk dan hiasan formal dengan kehadiran rekaan khusus terhadap pintu dan tingkap. Ciri ini membolehkan cahaya menembusi kedalam rumah. Penggunaan rekaan tingkap ini popular pada abad ke -17.

Panel direka dalam pelbagai bentuk dan saiz dengan arah mendatar dan menegak. Bilangan panel yang selalu digunakan ialah 1, 2, 4, 6 atau lebih untuk dijadikan sebagai jenang tingkap. Struktur jenang tingkap Rumah Demang Abdul Ghani rekabentuk panel terapat pada arah melintang dengan mengandungi 5 panel dibahagian atas dan 25 panel kecil dibahagian tengah tingkap.



Rajah 4.16: Tingkap Pada Rumah Demang Abdul Ghani

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

4.3.3 Pengaruh Seni Bina Cina

Kata sahibul hikayat, “maka tersebutlah perkataan Raja China. Telah kedengaranlah khabar kebesaran raja Melaka itu ke benua China, maka raja China pun mengutus ke Melaka; bingkisnya jarum sarat sebuah pilu, lain daripada itu sutera, benang emas, kamkha dewangga, dengan beberapa benda-benda yang Gharib-gharib”

W.G Shellabear (1991)


Pengaruh yang datang dari China telah memberi warna dalam pembinaan seni bina tempatan yang tersendiri termasuklah dalam seni binaan rumah. Senibina masyarakat cina diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu senibina tradisional dan senibina Baba-Nyonya. Senibina tradisional lebih tertumpu kepada binaan Masjid dan Tokong manakala senibina Baba-Nyonya lebih tertumpu kepada pembinaan rumah tradisional yang diasimilasi dengan budaya tempatan. Masyarakat cina mempunyai pelbagai kepercayaan terhadap sesuatu ukiran ataupun senbina yang digambarkan yang pada akhirnya Berjaya mempengaruhi pemikiran dalam reka bentuk pembinaan. Pengkaji telah berjaya mengenalpasti beberapa fasad bangunan yang beridentitikan rekaan cina pada Rumah Demang Abdul Ghani ini.

I. Ragam Hias dan Ukiran

Ragam hias dan ukiran kayu merupakan seni kerajinan tangan tradisi turun-temurun yang telah lama dipraktikkan dalam masyarakat orang Melayu. Ragam hias dan ukiran ini selalunya mempunyai unsur alam sekitar dan cara hidup. Selain berfungsi sebagai seni perhiasan, ukiran juga berfungsi sebagai laluan pengudaraan dan memberi ruang cahaya masuk ke dalam binaan sesebuah rumah.


Ragam hias merupakan dekorasi tambahan bagi menghiaskan permukaan fasad bangunan yang terbahagi kepada tiga komponen iaitu ukiran, mural dan corak lapaan yang dikenali sebagai 'plasterworks'. Fungsi ragam hias ialah untuk menampakan gaya dan nilai estetika yang terdapat pada sesebuah binaan dan bangunan. Ragam hias dan ukiran dapat dilihat pada rumah orang kaya dan golongan atasan kerana harganya pada waktu itu. Selalunya ragam hias dan ukiran dapat dilihat pada permukaan dinding seperti tiang, pintu, tangga rumah dan tingkap.

Terdapat beberapa tinggalan ukiran kayu Cina Peranakan yang dapat dilihat pada Rumah Demang Abdul Ghani iaitu hiasan 2 ekor naga pada pintu pagar kecil sebelum masuk ke balai penghadapan rumah yang diimport khas dari China yang membawa masuk 'Eng Ling' Naga Emas yang dikaitkan dengan symbol kawalan dan perlindungan oleh kerana itu ukiran naga ini berada dihadapan pintu masuk.



Rajah 4.17: Hiasan Naga Pada Rumah Demang Abdul Ghani
(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

Seterusnya ‘Ang Ling’ iaitu Naga Merah yang dikaitkan dengan makna kekayaan dan kekuasaan.



Rajah 4.18: Hiasan Naga Pada Singgahsana dan Gaya Pengaruh Peranakan Cina Pada Tiang Seri di Rumah Demang Abdul Ghani
(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

II. Pintu masuk dibahagian Pelantar dan Pintu Belakang

Bahagian fasad pintu masuk utama Rumah Demang Abdul Ghani sememangnya mengalami pengaruh daripada China. Terdapat satu rekaan pintu jenis panel dan mempunyai dua daun yang diperbuat daripada kayu. Rekaan pintu ini menambahkan keistimewaan dan fungsinya semasa ingin membuat kenduri atau rewang dan untuk menyelamatkan diri ketika berlakunya kecemasan. Seterusnya pengaruh gaya seni bina Cina pada bahagian pintu juga terdapat pada hiasan berdekatan dengan bingkai pintu (*architrave*).



Rajah 4.19: Pintu Dibahagian Pelantar di Rumah Demang
Abdul Ghani

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.19: Pintu Belakang Rumah Demang Abdul Ghani

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)

4.4 Proses pemuliharaan yang telah dijalankan

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah menjelaskan garis panduan pemuliharaan bangunan warisan yang telah ditetapkan dan bersesuaian bagi memudahkan kerja-kerja pemuliharaan dijalankan. Menurut Akta 645 bangunan membawa maksud sesuatu bangunan atau sekumpulan bangunan yang terasing atau bercantum yang disebabkan senibinanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat dari segi sejarah, seni atau sains. Sebelum menjalankan apa jenis pemuliharaan aspek yang amat dititik beratkan adalah nilai keaslian bangunan itu sendiri.

Proses pemuliharaan terbahagi kepada beberapa bahagian seperti kajian awal, kajian dilapidasi, penyediaan dokumen, kerja-kerja pemuliharaan, dan pelan penyenggaraan. Proses ini amat penting bagi memanjangkan usia bangunan agar bangunan itu sentiasa berfungsi.

Bil	Nama dokumentasi	Peringkat	Kandungan
1.	Laporan kajian awalan	Sebelum kerja pemuliharaan	<p>Kajian latar belakang bangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk • Sejarah • Kepentingan warisan dan keadaan sediaada bangunan
2.	Laporan kajian dilapidasi dan cadangan kerja pemuliharaan	Sebelum kerja pemuliharaan	<p>Kajian sejarah dan nilai warisan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan kecacatan bangunan • Lukisan terukur • Inventori elemen • Kaedah rawatan • Pendekatan dan cadangan

			<p>pemuliharaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian saintifik dan ujian makmal
3.	Laporan sebelum kerja pemuliharaan (HABS I)	Sebelum kerja pemuliharaan	<p>Merekod fabrik bangunan semasa jumpaan dengan kaedah dan teknik yang dapat menunjukkan reka bentuk, ukuran melalui teknik fotografi yang bersesuaian.</p>
4.	Laporan semasa kerja pemuliharaan (HABS II)	Semasa kerja pemuliharaan	<p>Merekod proses kerja pemuliharaan sepanjang projek. Disediakan melalui teknik fotografi yang bersesuaian dan laporan bulanan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dua aspek yang perlu diberi penekanan adalah <p>I. Tatabara kerja</p> <p>II. Laporan semasa</p>

			keadaan bangunan
5.	Laporan selepas kerja pemuliharaan (HABS III)	Semasa kerja pemuliharaan	<p>Merekod keseluruhan fabrik bangunan setelah selesai kerja pemuliharaan termasuk menunjukkan bahagian yang terlibat dengan perubahan seperti penambahan atau pengantian.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perekodan boleh dilakukan melalui teknik fotografi yang bersesuaian
6.	Laporan akhir kerja pemuliharaan		<p>Merekod keseluruhan maklumat berkaitan projek dan semua proses kerja pemuliharaan yang terlibat sepanjang kerja dijalankan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perekodan boleh dilakukan melalui teknik fotografi yang bersesuaian

7.	Rakaman video	Semasa dan selepas kerja pemuliharaan	<p>Merakam atau merekod menggunakan video keseluruhan proses kerja pemuliharaan bangunan warisan dengan menggunakan kepakaran juru video professional.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rakaman perlu menggambarkan perjalanan keseluruhan projek dan memberi penempuan terhadap kerja-kerja yang bersifat kritikal dan memerlukan kemahiran kerja pemuliharaan khusus. • Rakaman juga perlu menumpu keatas kerja-kerja yang melibatkan bahagian
----	---------------	---------------------------------------	--

			<p>dan elemen bangunan yang menjadi ciri-ciri penting nilai warisan.</p>
--	--	--	--

Jadual 1: Keperluan Dokumentasi Jabatan Warisan Negara


(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

Sebelum kerja-kerja pemuliharaan ke atas Rumah Penghulu Abdul Ghani dijalankan, aktiviti dokumentasi bangunan telah dilakukan untuk mengenalpasti gaya seni bina, rupa bentuk, kemasan dan perincian ragam hias dan keadaan bangunan sebagaimana jumpaan. Kajian kerosakan perlu dijalankan secara berperingkat semasa penyediaan skop kerja. Pemeriksaan akan dijalankan disetiap sudut rumah seperti anjung, serambi, tangga, rumah ibu dan bilik tidur utama. Antara kerja baikpulih yang dijalankan pada keseluruhan bangunan ialah:

- Eskavasi arkeologi
- Kerja penanggalan dan meroboh
- Kerja membaikpulih tiang
- Kerja membaikpulih lantai
- Kerja membaikpulih dinding
- Kerja membaikpulih pintu dan tingkap
- Kerja mengecat semula mengikut skema warna yang dicadangkan dan dipersetujui

I. *Historical Architecture Building Survey* atau HABS peringkat 1

Salah satu kaedah dalam HABS dalam projek pemuliharaan Rumah Penghulu Abdul Ghani ialah kaedah cantuman foto bergrid .



Rajah 4.20 : Kaedah Cantuman Foto Bergrid

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

II. Mengikis cat sedia ada



Rajah 4.21 : Tiang seri sebelum dan selepas pemuliharaan


(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

Pertama sekali kikis cat pada bahagian tiang seri yang sedia ada hingga ke lapisan kayu. Seterusnya, cat semula menggunakan cat yang telah diluluskan.



Rajah 4.22 : Tiang sebelum dan selepas pemuliharaan

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)



Rajah 4.23 : Pintu masuk sebelum dan selepas pemuliharaan

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)



Rajah 4.24 : Tiang di beranda sebelum dan selepas pemuliharaan

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

III. Kerja jacking

Baik pulih keretakan dengan kaedah '*STAPLE*' dan tiang sengettelah ditegakkan dengan Teknik '*JACK-UP*'



Rajah 4.25 : Dinding dibahagian tangga rumah sebelum dan selepas pemuliharaan

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

Ukiran yang patah dan yang hilang dibaiki dan digantikan seperti asal. Kikis cat pada bahagian tiang kayu yang sedia ada hingga ke lapisan kayu. Seterusnya, cat semula menggunakan cat yang telah diluluskan.



Rajah 4.26 : Singhsana sebelum dan selepas pemuliharaan

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

IV. Kerja membaikpulih struktur rumah




Rajah 4.27 : Kolah air sebelum dan selepas pemuliharaan

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

Pertama sekali bersihkan bahagian yang berlumut dengan tekanan air yang sederhana. Bahagian lepaan yang porous dilepa semula mengikut nisbah plaster sediaada. Akhir sekali, cat kolah dengan cat 'kapur' emulsi.

Pada bahagian sisi bangunan pula, genting bumbung perlu dipasang semula setelah dibersihkan dengan berhati-hati. Genting yang rosak atau pecah hendaklah digantikan dengan bahan yang sama. Bahagian dinding yang berlumut perlu dibersihkan dengan kaedah semburan air. Daun tingkap yang rosak digantikan dengan rekabentuk yang sama.



Rajah 4.28 : Bahagian Sisi rumah sebelum dan selepas pemuliharaan

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)


Jabatan Warisan Negara telah melaksanakan kerja-kerja baikpulih pada keseluruhan bangunan termasuk membaikpulih dan memperkukuhkan struktur tembok dinding dan tiang konkrit yang rosak, mengikis dan mengecat semula, menanggal dan memasang jubin seramik, meroboh dinding tambahan, membaikpulih struktur kerangka dan kemas bumbung serta lain-lain seperti, baikpulih pelamin, kabinet dinding, tempat memasak, kabinet dapur, kolah bilik air serta tiang dan pelbagai motif ukir.



Rajah 4.4 : Kaedah Cantuman Foto Bergrid

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

Antara jenis kayu yang digunakan didalam proses pemulihah adalah merbau . cengal dan teak ianya sangat berkualiti bagi pemulihan rumah penghulu natar. Rumah tersebut juga dipenuhi dengan motif daripada labu dan juga nanas serta inya dipenuhi dengan ukiran bunga flora da fauna . Ianya mempunyai enam ruang iaitu , beranda , bilik tidur ,dapur ,bilik rehat , porch , dan loft.



Rajah 4.5 : Antara kerja-kerja pemuliharaan yang dilakukan di Rumah Penghulu Natar.

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)



Rajah 4.6 : Antara kerja-kerja pemuliharaan yang dilakukan di

Rumah Demang Abdul Ghani.

(Sumber: Laporan Dokumentasi Kajian Lapang)

BAB 5

PERBINCANG, CADANGAN & KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini pengkaji memberi rumusan secara menyeluruh dan ringkas mengenai kajian yang dilakukan dan menerangkan kesimpulan mengenai dapatan hasil ketiga-tiga analisis kajian. Masalah yang telah dihadapi semasa membuat kajian ini juga turut membincangkan. Seterusnya, membincangkan beberapa cadangan yang dianggap relevan bagi menjadi panduan untuk menghasilkan kajian yang lebih baik dan berkesan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, industri pelancongan menjadi tunjang kepada kemajuan ekonomi negara melalui tinggalan bersejarah yang ada di negara kita.

5.2 Perbincangan dapatan kajian

Rumusan daripada hasil kajian dibuat berdasarkan objektif yang telah ditetapkan pada bahagian awal kajian yang bertajuk Keistimewaan Seni Bina Rumah Demang Abdul Ghani Sebagai Khazanah Warisan Yang Telah Dipelihara. Penilaian objektif dilakukan bagi menentukan sama ada kajian mencapai matlamat dan objektif yang diinginkan.

5.2.1 Mengetahui sejarah Rumah Demang Abdul Ghani di Merlimau, Melaka.

Setelah menjalankan kajian bagi mencapai objektif pertama, pengkaji mendapati terdapat pelbagai sumber sejarah yang disampaikan berkenaan Rumah Demang Abdul Ghani. Dari segi kemasyuran, Penghulu Abdul Ghani, beliau sangat dikenali dan disegani oleh masyarakat setempat kerana keperibadiannya yang tinggi dalam tampuk kepimpinan kerana beliau mengalas tanggungjawab sebagai penghulu dikawasan perkampungan itu. Hasil analisis mendapati bahawa, Demang Abdul Ghani merupakan seorang bangsawan yang berketurunan daripada Palembang.

Seterusnya, dari segi pemerhatian pengkaji mendapat lokasi keberadaan Rumah Demang Abdul Ghani yang terpinggir dari arus pembangunan kerana berada di daerah Merlimau. Hal ini dapat dilihat, apabila tapak rumah ini terletak dikawasan perkampungan dan terselindung dari bangunan rumah kedai yang berhampiran. Binaan rumah ini masih berada dalam keadaan utuh sebelum dikonservasi walaupun dibina pada tahun 1831. Sememangnya, pembinaan rumah ini memberi cerminan yang terkandung nilai sejarah dan memberi kesan kemewahan dan keunggulan seni bina yang pada pandangan pengkaji memperlihatkan luar dari kebiasaan rumah tradisional yang ada di Melaka.

5.2.2 Mengkaji pengaruh luar yang terdapat pada fasad binaan Rumah Demang

Abdul Ghani.

Dari pemerhatian pengkaji, Rumah Demang Abdul Ghani mempunyai keistimewaan yang tersendiri bukan sahaja dari segi sejarah pembinaan, malah yang paling ketara ialah pengaruh seni bina yang terdapat pada Rumah Demang Abdul Ghani. Antara asimilasi seni bina yang berjaya dikenalpasti adalah seni bina Tradisional

Melayu, Cina dan yang paling ketara ialah gaya seni bina colonial lama Inggeris. Oleh itu, terdapat beberapa bahagian rumah yang berjaya dikenalpasti melalui penelitian dokumen.

Analisis menunjukkan bahawa pengaruh seni bina Inggeris mendominasi hampir keseluruhan fasad Rumah Demang Abdul Ghani seperti kekisi atau lubang angin atas, siling, dan tingkap. Terdapat sedikit unsur pengaruh seni bina Cina klasik seperti ragam hias dan ukiran serta pintu. Dari segi pengaruh seni bina Melayu pula seperti atap bumbung, tiang seri dan serambi. Hasil kajian mendapati, wujud suatu yang unik dan menarik di dalam senibina rumah di Melaka. Hal ini, dapat menerapkan gabungan senibina hibrid seperti vernacular, regional, eklektik, revival dan lain-lain.

5.2.3 Mengkaji pemuliharaan yang telah dijalankan di Rumah Demang Abdul Ghani.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji keatas pengaruh seni bina yang terdapat pada fasad bangunan ini, sewajarnya usaha-usaha pemuliharaan dilakukan bagi menghasilkan catatan yang relevan dan dokumentasi data dan maklumat yang tepat berkenaan bangunan bersejarah secara sistematik. Secara umum, rakyat mengetahui Rumah Demang Abdul Ghani ini hanyalah sebuah rumah yang dijadikan galeri tanpa mengetahui sebab ianya dijadikan galeri dan nilai estetika yang terdapat pada bangunan ini sehingga ianya dijadikan sebagai sebuah warisan kebangsaan. Oleh itu, pengkaji menggariskan beberapa kaedah pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak yang terlibat. Sebelum kerja pemuliharaan dibuat aktiviti dokumentasi perlu dijalankan terlebih dahulu. Antara kerja baikpulih yang dijalankan ialah eskavasi arkeologi, kerja membaikpulih tiang dan banyak lagi. Proses pertama kerja pemuliharaan ialah *Historical Architecture Building Survey* atau dikenali sebagai HABS. Seterusnya, kerja-kerja baikpulih seperti menanggalkan cat dilaksanakan.

5.3 Rumusan

Akhir sekali, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian yang digunakan dalam kajian Keistimewaan Seni Bina Rumah Demang Abdul Ghani Sebagai Khazanah Yang Telah Dipelihara adalah sangat berhasil dan berkesan. Manakala, dari segi pemerhatian pula, dapatan kajian yang diperolehi sangat membantu dalam mengenalpasti sesuatu ciri seni bina sama ada berasal dari Melayu, Cina atau Inggeris. Hal ini dibantu oleh kaedah rakaman foto dan catatan yang diperolehi daripada kajian lapangan.

Melalui pembacaan pengkaji terdapat kekurangan info berkenaan pengaruh luar yang mempengaruhi seni bina beberapa fasad rumah tersebut. Antaranya, pada bahagian bumbung yang dikatakan terdapat pengaruh daripada Belanda dan Minangkabau. Seterusnya, kekurangan info berkaitan sejarah asal-usul pembinaan rumah Demang Abdul Ghani.

5.4 Cadangan

Rumah demang abdul Ghani merupakan salah satu asset warisan yang harus kekal dipelihara agar terus menjadi produk pelancongan warisan yang perlu diketahui bukan sahaja orang Melaka tetapi juga pelancong luar. Segala jenis kerosakan dan pemuliharaan yang dijalankan perlulah terus dikaji keberkesanan dari semasa ke semasa agar rumah ini tetap terjaga dan terpelihara. Terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan Rumah Demang Abdul Ghani yang boleh ditambahbaik pada masa akan datang. Antaranya adalah:

I. Pengdokumentasian Penuh Rumah Demang Abdul Ghani.

Cadangan ini sangat penting bagi mengekalkan seni bina rumah ini sebagai rumah bersejarah. Pengdokumentasian secara keseluruhan berkenaan Rumah Demang Abdul Ghani ini dapat membantu pengkaji lain untuk membuat kajian dengan data yang lebih tepat. Hal ini kerana, terdapat pelbagai versi sejarah pembinaan rumah tersebut yang tidak dapat dikenalpasti kesahihan dan sumbernya. Justeru itu, pengkaji harus mengambil manfaat dalam menghasilkan keterangan atau bukti secara lebih terperinci agar nilai warisan rumah terus kukuh dan tidak ditokok tambah.

II. Menjadikan Bukti Sejarah dan Kebudayaan Di Melaka

Pengkaji berharap agar Rumah Demang Abdul Ghani ini kekal menjadi salah satu tempat bersejarah dari segi khazanah sejarah pembinaan, pengaruh seni bina dan rekaanya agar terus menjadi bukti sejarah dan kebudayaan yang kekal serta menjadi rujukan oleh pengkaji luar. Pengkaji juga berharap agar rumah ini akan kekal tersenarai sebagai warisan kebangsaan pada masa akan datang dan terus dikunjungi semua lapisan masyarakat.

5.5 Penutup

Secara kesimpulannya, keunikan sesebuah masyarakat dapat dilihat daripada seni bina bangunan yang terdapat dikawasan tersebut. Rumah ini terdapat nilai estetik yang tersendiri yang menjadi jati diri sesuatu bangsa. Rumah ini diperbuat daripada kayu yang menjadi binaan utama yang masih kukuh sehingga sekarang. Oleh itu, rumah ini memberi gambaran bahawa rumah bersejarah ini mampu memberi saingan kepada bangunan bersejarah lain yang terdapat di Melaka seperti Afamosa.

- A, Ghafar. (2006). *Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah*. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/7.geografia-apr%202013>
- A, Syarina. (2016, May). *Seni Bina Cina*. Retrieved from <https://prezi.com/ezzi-iifyoem/seni-bina-cina/>
- Antsketcharch. (2017). *Prinsip Desain Arsitektur*. Retrieved from <https://antsketcharch.wordpress.com/2017/03/03/prinsip-desain-arsitektur/>
- Ariffin, M. (2006). *Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan Bagi Struktur Konkrit Bertulang*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/1954/>
- Bailey, K.D, *Method of social Research* New York, The Free California: Sage
- Charter, T. B. (1999). *The Australian ICOMOS Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance*. Retrieved from <http://www.icomos.org/australia/burra.html>
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah & statistik Penyelidikan (buku 1) : Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua* Kuala Lumpur, Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chua, P. Y. (2006). *Mastering Research Methods*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/275969875_Mastering_Research_Methods
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y.S. (Ede), 1998. *Collecting and Interpreting qualitativematerials*, California: Sage.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y.S. (Ede). (1998). *Collecting and Interpreting Qualitative Materials*
- Dr. Amani.(2016). *Tinjauan Literatur / Sorotan Kajian*. Retrieved from <http://amaniresearch.blogspot.com/2011/04/tinjauan-literatur-sorotan>
- Greenlane. (2018, December). *Semua Mengenai Tiang Komposit*. Retrieved from <https://www.greelane.com/ms/kemanusiaan/seni-visual/what-is-a-composite-column-177503/>
- Greenlane. (2019, November). *Sejarah Lengkungan Terkenal di Dunia*. Retrieved from <https://www.greelane.com/ms/kemanusiaan/seni-visual/famous-triumphal-arches-177357>

<https://prezi.com/ezzi-iifyoem/seni- bina-cina/>

<https://www.bharian.com.my/node/121296>

<https://www.google.com.sg/maps/place/Demang+Abdul+Ghani+Gallery>

Ismail Zawawi (2015). *Pendahuluan Metodologi*. Diakses pada 11 Mei 2020. Daripada URL http://studentsrepo.um.edu.my/5395/3/BAB_3.pdf

Jabatan Perancang Bandar Ipoh. (n.d). *Konsep Pemeliharaan Am-Pemeliharaan Di Dalam Konteks Peningkatan Kualiti Tempat Dan Kepentingan Budaya*. Retrieved from <http://perancangbandar.mbi.gov.my/index.php/en/warisan/warisan/konsep- pemeliharaan>

Jaffar, A. (2016). *Manfaat Nilai Estetika, Keunikan Bangunan Lama*. Berita Harian, p. 1.

Kadir, A., & Suyurno, S. (2018) *Pengaruh Dekorasi dan Seni Bina China Dalam Tiga Buah Masjid Terawal di Melaka*. Retrieved from <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/22537/>

Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua Kuala Lumpur, Mc Graw Hill (Malaysia)

Kamarul, K. (2007). *Pemuliharaan dan Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Bagi Menyokong Industri Pelancongan Warisan Negara*. Retrieve from <http://buildingconservation.blogspot.com/2008/12/pemuliharaan-dan- penyesuaigunaan-semula.html>

Kamarul, K. (2016). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Kamarul, K., & Ibrahim, L. (2012). *Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Retrieved from [http://journalarticle.ukm.my/1112/Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat. \(2007\). Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka](http://journalarticle.ukm.my/1112/Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat. (2007). Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka).

Kamus Dewan Edisi Keempat, 2004. Kuala Lumpur, Dewan dan Pustaka Kebangsaan 2005. Jurnal Melayu (8) 2011.

McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in Educatio A Conceptual Introduction*. New York: Longman

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2008). *Seni Bina: Sejarah, Teori dan Kritikan*.

- Mohd Khairuddin Mohd Yusof. (2006). *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Perundangan dan peraturan mengeksport dan mengimport butiran warisan kebangsaan*. Forum Kurator. Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nasir, A. (1985). *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Loyal Press Sdn Bhd.
- Nawi, H.(2015). *Megah Seni Bina Tradisional*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/node/27512>
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park,CA: Sage Publications, Inc (2002), 39
- Ranjit Kumar (1996). *Research Methodology: A Step-By-Step Guide For Beginners*. Australia:Longman Pty Limited. 103-126.
Retrieved from <https://antsketcarch.wordpress.com/2017/03/03/prinsip-desain-arsitektur/>
- Yazid, S.(2010). *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yeoh, K. (2018). *Pembangunan Infrastruktur dalam Ekonomi Malaysia*. Retrieved from https://kampusuols.com/article/423420/Uni-Kita/CETUSAN/Pembangunan_infrastrukturdalam-ekonomi-Malaysia
- Yuslalaintan. (2015). *Metodologi Kajian*. Retrieved from yuslalaintan.wordpress.com
- Yuszaidi Mohd Yusof, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot.(2011).

11:58

128KB/s 4G



INGIN MENDAPATKAN MAKLUMAT UNTUK LATIHAN INDUSTRI

External

Inbox



Nur Syafiqah Binti N... 01/11/2021
to Syahidah, admin



Assalamualaikum dan selamat sejahtera

Saya Nur Syafiqah Binti Nor Huzaimi (C18A0313) merupakan pelajar tahun 4 Universiti Malaysia Kelantan. Saya mengambil kos Pengajian Warisan dalam bidang Konservasi Warisan. Saya ingin mendapatkan maklumat untuk melakukan Latihan Industri di tempat tuan dan puan pada semester 8 yang akan berjalan pada bulan 3 tahun 2022.

Saya harap pihak Tuan/ Puan dapat memberikan kerjasama kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan saya. Saya tinggalkan number yang boleh dihubungi 01158532677.

Kerjasama Tuan/ Puan saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.



Syahidah Abu Sah 02/11/2021
to me, admin



Terima kasih kerana menghubungi kami. Cik boleh bertanya lanjut di Bahagian Pentadbiran 06-2826526 - Puan Erniewati
Terima kasih

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT
DUNIA"**

FTKW

11:58

262KB/s 4G 94%



Syahidah Abu Sah 02/11/2021

to me, admin ▾



Terima kasih kerana menghubungi kami. Cik boleh bertanya lanjut di Bahagian Pentadbiran 06-2826526 - Puan Erniewati
Terima kasih

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"PRIHATIN RAKYAT, DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"WARISAN TERAS WAWASAN"

Saya yang menjalankan amanah,

SYAHIDAH BINTI ABU SAH

Kurator

Seksyen Operasi Muzium

Bahagian Pemuziuman

Perbadanan Muzium Melaka

Tel: 06-2841934

H/P: 012-6353076

Faks: 06-2826745

Laman Web: www.perzim.gov.my

P/S: POHON KERJASAMA TUAN/ PUAN UNTUK

MEMBALAS EMAIL INI BAGI PENGESAHAN @ R.S.V.P

Show quoted text

FTKWW

11:58

609KB/s



Kebenaran menjalankan kajian

Add label



Nur Syafiqah Binti Nor... 21 Jan



to admin, Syahidah

Assalammualaikum dan selamat sejahtera

Saya Nur Syafiqah Binti Nor Huzaimi (C18A0313) merupakan pelajar tahun 4 di Universiti Malaysia Kelantan. Saya mengambil kos Pengajian Warisan dalam bidang Konservasi Warisan. saya ditugaskan untuk membuat projek penyelidikan. Saya ditugaskan untuk membuat penulisan sendiri sebagai syarat graduasi. Saya memilih untuk membuat lawatan dan kajian di Rumah Demang Abdul Ghani berkaitan dengan pengaruh senibina luar yang terdapat pada Rumah tersebut. Oleh itu, saya berharap pihak Tuan/ Puan dapat memberi bantuan kepada saya. Saya ingin membuat lawatan ke Jabatan Warisan Negara untuk melakukan kerja penyelidikan saya. Saya harap pihak Tuan/ Puan dapat memberikan kerjasama kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan saya. Saya tinggalkan number yang boleh dihubungi 0132742177


Kerjasama Tuan/ Puan saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Reply

Reply all

Forward

FTKWW



WILAYAH

Jumlah pelancong ke Melaka meningkat


Fairuz Zaidan
Disember 31, 2019 @ 5:59pm
fairuzaidan@nstp.com.my



EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhamad Jailani Khamis. - NSTP/Khairunisah Lokman



FTKW



MUTAKHIR

Covid-19: Melaka ubah strategi tarik pelancong [METROTV]



Amir Mamat
am@hmetro.com.my



KERAJAAN Melaka mengubah strategi untuk menarik pelancong ke negeri itu susulan kelembapan terhadap sektor pelancongan akibat wabak koronavirus baharu (Covid-19).

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, ia termasuk memberi fokus kepada pelancong tempatan

pelancong menerima maklumat boleh daripada pemain